



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**15 JANUARI 2021 (JUMAAT)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**15 JANUARI 2021 (JUMAAT)**

## KPDNHEP KL sita 110,000 barang tiruan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur merampas 110,000 barang tiruan dalam serbuan di dua premis di Lorong Haji Taib dan Bandar Sri Damansara di sini, Selasa lalu.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Zubir Hamsa berkata, sepasukan pegawai KPDNHEP Kuala Lumpur membuat serbuan itu bersama wakil pemilik cap dagang hasil risikan selama seminggu selepas menerima maklumat penjualan secara dalam talian.

Menurutnya, hasil serbuan dilakukan di sebuah premis pemborong di Lo-

rong Haji Taib menemui barang disyaki tiruan terdiri daripada beg, dompet dan tali pinggang berjenama.

"Pemeriksaan di sebuah gudang di Bandar Sri Damansara pula mememui sejumlah mata pisau cukur daripada jenama terkenal yang disyaki tiruan.

"Pasukan serbuan menyita 110,000 barang disyaki tiruan dianggarkan bernilai RM25,000 yang menunggu untuk diedarkan di kedua-dua premis ini," katanya, semalam.

Zubir berkata, siasatan awal mendapati peniaga borong di Jalan Haji Taib itu menjual barang berkemas secara dalam talian dan secara borong kepada pelanggan di seluruh negara.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 15/1/2021  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam RM5.90
- Daging Lembu Tempatan RM32
- Daging Lembu Import RM21

- Telur Cred A RM9.79
- Ikan Kembung RM8.99
- Minyak Masak RM5.32

- Gula Pasir RM2.60
- Bawang Besar Holland RM3.50
- Bawang Putih RM4.88

- Cili Merah RM12.99
- Kubis Tempatan RM4.90
- Tepung Gandum RM2.15

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI KPDNHEP)**

---

---

**15 JANUARI 2021 (JUMAAT)**

## Tiada perkataan harian boleh didaftarkan - MyIPO

Oleh AIDA RIZMARIZA  
KAMARUDDIN  
utusaneews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) menjelaskan tiada perkataan harian yang boleh didaftarkan sebagai jenama mana-mana produk termasuk perkhidmatan yang bertujuan menunjukkan jenis, kualiti, kuantiti, kegunaan spesifik, nilai, tempat asal geografi dan ciri-ciri lain.

Jurucakap MyIPO berkata, pihaknya hanya boleh meluluskan permohonan cap dagangan sekiranya ia bukan perkataan harian seperti yang disebutkan di atas dan sebaiknya berada dalam kategori unik serta dicipta sendiri selain berbeza dengan sebarang jenama lain sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang cap dagangan di Malaysia.

"Untuk perkataan harian biasa yang deskriptif terhadap barang atau perkhidmatan tidak boleh didaftarkan dan sejarnya tiada sekatan untuk mana-mana pihak gunakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut jurucakap tu, permohonan berdasarkan nama suatu negara atau mengandungi petunjuk geografi juga tidak boleh didaftarkan.

Sementara itu, berkenaan isu permohonan Syarikat Noor Khan Enterprise milik Datin Noor Kartini Noor Mohamed, pihaknya hanya menerima permohonan untuk melindungi perkataan 'Harimau Menangis' dalam penggayaan tulisan yang dipilihnya.

Permohonan tersebut masih lagi dalam proses semakan dan pemeriksaan.

"Pendaftaran cap dagangan adalah secara keseluruhan ke-

cuali diluluskan dengan had-had atau syarat-syarat tertentu. Pertimbangan kelulusan atau penolakan 'Harimau Menangis' akan dibuat mengikut pemeriksaan dan prinsip-prinsip kebolehdaftaran suatu cap dagangan di Malaysia," jelasnya.

Rabu lalu, kenyataan Noor Kartini melalui video berdurasi 37 saat tular apabila memberitahu pihaknya sudah mendaftar untuk mematenkan trademark Harimau Menangis. Ekoran itu, ramai yang membuat bantahan selain menyifatkan tindakan itu sebagai keterlaluan.

Bagaimanapun, Noor Kartini menjelaskan dia akan menarik balik permohnannya secepat mungkin dan menegaskan tidak berniat untuk menutup periuk nasi sesiapa.



HARI : JUMAAT  
TARIKH : 15/1/2021  
M/SURAT : 1





## Ibu Neelofa batal permohonan cap dagang jenama Harimau Menangis

**Kuala Lumpur:** Selepas dikritik ramai pihak, pemilik syarikat Noor Khan Enterprise, Noor Kartini Noor Mohamed (**gambar**) membatalkan permohonan cap dagang bagi jenama Harimau Menangis.

Noor Kartini yang juga ibu selebriti terkenal Neelofa berkata, permohonan itu akan dibatalkan dalam masa terdekat.

"Saya memohon maaf dan sedar akan kekhilafan terjadi dan berharap

keputusan yang saya buat hari ini (semalam) dapat menjelaskan dan meredakan keadaan.

"Saya membuat keputusan untuk membatalkan permohonan trademark nama Harimau Menangis dengan secepat mungkin.

"Tujuan asal saya memohon trademark ini hanya untuk melindungi jenama perniagaan saya dan juga ejen jualan kami daripada masalah produk tiruan," katanya pada sidang media secara maya,

semalam.

Noor Kartini berkata, dia tiada niat menutup pintu rezeki sesiapa.

"Saya percaya rezeki kita masing-masing datangnya daripada Allah SWT."

"Diharap dengan penjelasan ini isu ini selesai dan tidak berpanjangan," katanya.

Sebelum ini tular di media sosial usahawan itu mendakwa jenama Harimau Menangis bagi produk keluarannya sudah didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia

(MyIPO) dan beliau mempunyai hak eksklusif ke atas cap dagangan nama berkenaan.

Dakwaan usahawan itu mendapat kecaman netizen yang menyifatkan tindakan itu sebagai keterlaluan memandangkan sudah ramai menggunakan nama resipi masakan berasaskan daging Harimau Menangis dalam produk mereka.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah MyIPO Datuk Mohd Roslan Mahayudin tampil menjelaskan permohonan cap dagang

bagi jenama Harimau Menangis masih di peringkat pemeriksaan.

"Jenama yang dimohon pemilik syarikat itu, Noor Kartini Noor Mohamed belum diluluskan MyIPO dan belum menjadi hak eksklusif beliau."

"Sehubungan itu, Noor Kartini diminta untuk tidak mendahului keputusan MyIPO dengan mendakwa jenama Harimau Menangis sudah didaftarkan sebagai cap dagangan dan menjadi hak eksklusif beliau," katanya.

Mohd Roslan memaklumkan permohonan Noor Kartini bagi mendaftarkan jenama itu diterima MyIPO pada November tahun lalu.

# Ibu Neelofa mohon maaf

Batalkan permohonan cap dagang Harimau Menangis

Oleh AZIE YAHAYA

KUALA LUMPUR

Ibu kepada pengacara terkenal, Neelofa Mohd Noor, Datin Noor Kartini Noor Mohamed mengambil keputusan untuk membatalkan permohonan cap dagang bagi jenama Harimau Menangis.

Pemilik syarikat Noor Khan Enterprise itu berkata, permohonan itu akan dibatalkan dalam masa terdekat.

"Saya ingin memohon maaf kepada semua dan saya mengambil keputusan untuk tidak mendaftarkan produk tersebut," katanya pada sidang akhbar secara maya pada Khamis.

Beliau juga memohon maaf di atas kekhilafan yang telah

berlaku sehingga mencetuskan kemarahan orang ramai.

"Tujuan asal saya memohon trademark ini adalah hanya untuk melindungi jenama perniagaan saya dan juga ejen jualan kami daripada masalah produk tiruan," katanya.

Noor Kartini berkata, beliau tiada niat untuk menutup pintu rezeki sesiapa.

"Saya percaya rezeki kita masing-masing datangnya daripada ALLAH SWT."

"Diharap dengan penjelasan ini isi ini selesai dan tidak berpanjangan," katanya.

Sebelum ini tular di media sosial usahawan itu mendakwa jenama Harimau Menangis bagi produk keluarannya sudah daftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan beliau mempunyai hak eksklusif ke atas cap dagangan nama berkenaan.

Ekoran itu, rata-rata warga

maya menyifatkan tindakan tersebut sebagai keterlaluan memandangkan sudah ramai menggunakan nama daging Harimau Menangis dalam produk mereka.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah MyIPO, Datuk Mohd Roslan Mahayudin dalam satu kenyataan pada Rabu memaklumkan, permohonan cap dagang bagi jenama Harimau Menangis oleh Syarikat Noor Khan Enterprise masih di ringkat pemeriksaan.

Justeru, beliau berkata, jenama yang dimohon Noor Kartini belum diluluskan MyIPO dan belum menjadi hak eksklusif beliau.

Katanya, permohonan Noor Kartini bagi mendaftarkan jenama itu diterima MyIPO pada November tahun lepas dan kelulusannya bergantung kepada hasil pemeriksaan serta pertimbangan agensi tersebut.



NOOR KARTINI

## Ibu Neelofa batalkan cap dagangan Harimau Menangis

PETALING JAYA — Selepas mengundang kemarahan pelbagai pihak, pengasas Noor Khan Enterprise, Datin Noor Kartini Noor Mohamed mengambil keputusan membatalkan permohonan cap dagangan Daging Harimau Menangis seperti didaftarkannya November tahun lalu.

Menerusi sidang akhbar secara virtual semalam, Noor Kartini yang juga ibu selebriti terkenal, Neelofa membuat keputusan untuk secepat mungkin membatalkan permohonan itu.

"Saya tidak niat untuk tutup pintu rezeki siapa-siapa dalam hal ini."

"Niat saya cuma satu iaitu melindungi ejen-ejen di bawah kendalian saya supaya tidak ter-

**Patenkan Harimau Menangis, keluarga Neelofa dikecam**

Berita Selehrini

PETALING JAYA — Dikatakan seorang ahli perniagaan bahawa Neelofa tidak menghormati hak milik mereka dengan mengambil cap dagangan yang sama dengan logo Harimau Menangis.

KERATAN Kosmo! 8 JANUARI 2021.

libat dengan produk tiruan yang menggunakan bungkusan serta tulisan sama di pasaran," katanya dalam nada sedikit sebak.

Justeru, Noor Kartini meminta agar isi berkenaan tidak diperbesar-besarkan lagi.

Kelmanin, keluarga Neelofa

sekali lagi menjadi buah mulut ramai selepas tular sekeping gambar yang memaparkan cap dagangan Daging Harimau Menangis.

Difahamkan, Noor Kartini memohonkan cap dagangan Harimau Menangis menerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Bagaimanapun, MyIPO memberi ketua Pengarahnya, Datuk Mohd. Roslan Mahayudin berkata, pihaknya menerima permohonan daripada Noor Kartini untuk mendaftarkan jenama Harimau Menangis pada November tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, permohonan tersebut masih lagi dalam peringkat penelitian.



NOOR KARTINI akan membatalkan cap dagangan Daging Harimau Menangis.